



30 JUL, 2025

Didik ahli keluarga jimat elektrik



Utusan Malaysia, Malaysia



DIDIK ahli keluarga menutup suis lampu, kipas atau alatan lain setelah meninggalkan bilik atau ruang.

Didik ahli keluarga jimat elektrik

SAYA sebagai jurutera elektrik menyarankan 10 tip untuk menjimatkan elektrik sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan isi rumah.

- Padam semua lampu bilik atau ruang sekiranya tiada sesiapa di situ. Sebagai contoh, jika anda sekeluarga berasih di ruang tamu, pastikan lampu bilik tidur, ruang makan atau dapur ditutup.

- Tutup semua suis peralatan elektrik dan elektronik jika tidak digunakan. Sebaik-baiknya jangan dibiarkan dalam mod bersedia.

- Sebaik-baiknya guna kipas angin dan elak penggunaan penyaman udara.

- Gunakan penyaman udara jika cuaca terlalu panas.

- Guna satu mentol lampu besar jika memerlukan lebih pencahanan berbanding mentol bersaiz kecil tetapi banyak bilangannya.

- Didik ahli keluarga menutup suis lampu, kipas atau alatan lain setelah meninggalkan bilik atau ruang.

- Pasang lampu di luar rumah jika perlu sahaja seperti menunggu kedatangan tetamu, menyambut perayaan atau mengadakan majlis atau kenduri.

- Elak guna mesin basuh melebihi muatan atau muatan penuh. Selain hasil cuciannya kurang bersih, ia juga mengakibatkan penggunaan tenaga elektrik berlebihan.

- Pastikan pintu peti ais ditutup rapat setelah digunakan.

- Rajin bersihkan habuk atau debu yang terdapat di coil peti sejuk.

- Peti sejuk beku yang penuh mengurangkan penggunaan tenaga. Jadi, sekiranya peti kosong, isikan kiub ais atau bekas ais supaya tenaga tidak dibuang begitu sahaja.

“

Pasang lampu di luar rumah jika perlu sahaja seperti menunggu kedatangan tetamu, menyambut perayaan..."

SALMIAH MOHD.

Jalan Besar, Kajang, Selangor